

# Hadiah Syawal : UniMAP Raih 4 Pingat Emas Di Korea



Pengorbanan tidak menyambut Aidilfitri bersama keluarga di Malaysia berbaloi apabila delegasi penyelidik Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang menyertai International Youth Invention Contest (IYIC 2013) meraih kejayaan 100 peratus dengan membawa pulang empat pingat emas dan dua pingat perak menerusi enam produk yang dipertandingkan. IYIC 2013 berlangsung dari 6-9 Ogos 2013 lalu di Seoul, Korea Selatan.

Pingat emas UniMAP disumbangkan oleh Zarina Yahya menerusi produknya *Novel Palm Oil Fly Ash (Pofa) Geopolymer Composite: New Technology Approach Using Geopolymerization Process For X-Ray Shielding* yang turut meraih Anugerah Khas World International Intellectual Property Association (WIIPA).

Turut meraih anugerah khas WIIPA dan pingat emas kedua UniMAP ialah Alida Abdullah menerusi produk *Fly Ash based Geopolymer as Lightweight Artificial Aggregate using Low Temperature*. Produk tersebut turut meraih anugerah khas Korea University Invention Association (KUIA).

Dua lagi pingat emas UniMAP disumbangkan oleh Chua Ee Lun dan Yew Long Tat yang mana kedua-dua produk ini turut meraih anugerah khas Association of Young Innovator and Scientist Indonesia (AYISI) manakala pingat perak UniMAP disumbangkan oleh Anis Nadhirah Ismail, dan Yee Len Fong.